

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

**PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH
JALAN BETEK, SUNGAI RAMBAI, 14000 BUKIT MERTAJAM**

No. Fail : PDTSPT/(S)/100/8/1/13

Tarikh : 17 Oktober 2019

**PERKHIDMATAN PENYEWAAN MESIN PENYALIN DIGITAL DI PEJABAT
DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH, BUKIT MERTAJAM
PULAU PINANG BAGI TEMPOH LIMA (5) TAHUN MULAI 1 DISEMBER 2019
HINGGA 30 NOVEMBER 2024**

KOD SEBUT HARGA : PDTSPT/PD/05/2019

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera berkeelayakan yang berdaftar dengan **Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia** serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut.
2. Maklumat sebut harga serta kelayakan asas kontraktor adalah seperti berikut :

KOD SEBUT HARGA / SPESIFIKASI SEBUT HARGA / KOD BIDANG / STATUS SYARIKAT	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP DAN TEMPAT HANTAR
PDTSPT/PD/05/2019 PERKHIDMATAN PENYEWAAN MESIN PENYALIN DIGITAL DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH, BUKIT MERTAJAM PULAU PINANG BAGI TEMPOH LIMA (5) TAHUN MULAI 1 DISEMBER 2019 HINGGA 30 NOVEMBER 2024 Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang 221502 (Mesin dan Peralatan Pejabat)	Tarikh : 23 Oktober 2019 (Rabu) Pendaftaran : 9.30 pagi Taklimat / Lawatan Tapak : Bilik Mesyuarat Wira Bestari, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah PERHATIAN : Hanya Pemilik / Pengurus Syarikat dibenarkan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak.	Tarikh Jualan : 23 Oktober 2019 (Rabu) Mulai Jam : 5.00 Petang Kaedah : Perolehan secara atas talian melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) Kadar : RM10.00 (Cetakan dilakukan oleh Pembeli dan bayaran tidak dikembalikan) Tempoh Sah Laku : 90 hari	Tarikh : 30 Oktober 2019 (Rabu) Masa : 12.00 Tengahari Tempat : Bahagian Pengurusan Daerah, Aras Satu, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah

3. Semasa **Taklimat Sebut Harga**, Penyebut Harga hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan **SALINAN FOTOSTAT** (tidak dikembalikan) dokumen-dokumen berikut :
 - a) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat daripada Kementerian Kewangan / Sijil Virtual yang lengkap menyatakan Kod Bidang berkaitan; dan
 - b) Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dari Kementerian Kewangan (Jika Berkaitan)
4. Kehadiran di dalam Sesi Taklimat dan Lawatan Tapak bagi tawaran sebut harga ini adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya Penyebut Harga yang menghadiri sesi berkenaan sahaja dibenarkan membeli dokumen tawaran sebut harga melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) dan mengemukakan dokumen tawaran sebut harga. Penyebut Harga dikehendaki membawa bersama **Cop Rasmi Syarikat**.
5. Dokumen Sebut Harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Sampul Surat yang berlakri serta bertanda dengan kod sebut harga dan tajuk sebut. Dokumen sebut harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
6. Bukti penghantaran tidak dianggap sebagai bukti penerimaan dan semua kos berkaitan dengan tawaran sebut harga di atas adalah menjadi tanggungjawab Penyebut Harga.
7. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah tidak tertakluk untuk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Tawaran sebut harga tidak akan dipertimbangkan sekiranya Penyebut Harga :
 - a) **LEWAT** mengemukakan tawaran sebut harga;
 - b) **GAGAL** mengemukakan **dokumen wajib** seperti yang dinyatakan dalam dokumen dan Borang Sebut Harga; dan
 - c) **GAGAL** menghadiri taklimat sebut harga.
9. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>.

**Pegawai Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah
Seberang Perai Tengah
14000 Bukit Mertajam**

